

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

### Pelanggan yang dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan maklumat penting tentang Pinjaman UOB BizMoney anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati maklumatnya berguna; **anda juga patut membacanya.**



Tarikh: \_\_/\_\_/\_\_

1

### Apakah Pinjaman UOB BizMoney?

Pinjaman UOB BizMoney ialah pembiayaan berjangka tanpa cagaran untuk membantu anda memenuhi keperluan modal kerja dan keperluan perniagaan anda. Ia dikira berdasarkan kadar faedah terapung sepanjang tempoh pinjaman / tempoh pembayaran balik.

2

### Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk pinjaman ini, **sebagai ilustrasi:**

Amaun pinjaman anda	<b>RM 500,000</b>
Tempoh pinjaman anda	<b>5 tahun</b>
Kadar faedah	<b>BLR<sup>1</sup>+0.63% setahun (p.a.)</b>
Kadar faedah efektif ("Kadar ditetapkan")	<b>7.20% setahun (p.a.)</b>
Ansuran bulanan anda	<b>RM9,947.85</b>

**Secara keseluruhannya, anda akan membayar RM596,871** pada akhir tempoh lima (5) tahun.

Nota:

<sup>1</sup>BLR = 6.57% setahun (p.a.) (setakat pada 11/07/2025). Jika Kadar Pinjaman Asas (BLR) berubah, pihak Bank akan melaraskan amaun ansuran bulanan anda dengan sewajarnya. Anda akan dimaklumkan mengenai amaun ansuran baharu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum perubahan tersebut berkuat kuasa.

**Anda bertanggungjawab untuk:**



Membaca dan memahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda **tepat pada masanya dan sepenuhnya sepanjang tempoh lima (5) tahun**. Sila hubungi kami jika anda berhasrat untuk menyelesaikan pinjaman anda lebih awal.



**Menghubungi kami dengan segera** sekiranya anda tidak dapat membuat bayaran ansuran bulanan anda.

**Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:**

- Duti setem: **Mengikut peruntukan Akta Setem 1949**
- Caj bayaran lewat: **1% setahun** (p.a.) ke atas amaun tertunggak

**Sekiranya anda ingin menyelesaikan pinjaman anda lebih awal, anda perlu mengetahui bahawa:**

- Notis bertulis selama tiga (3) bulan diperlukan sebelum tarikh penyelesaian penuh pinjaman .

3

### Ketahui Risiko Anda

**Apakah yang akan berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab anda?**

1. Anda mungkin akan **membayar jumlah keseluruhan yang lebih tinggi** disebabkan oleh caj bayaran lewat dan faedah terkompoun.
2. Kami boleh **menolak** amaun yang terhutang secara debit daripada akaun perniagaan anda yang berada di bawah hak *set-off* ke atas baki pinjaman anda.
3. **Tindakan undang-undang boleh diambil** terhadap anda.
4. **Skor kredit** anda mungkin terjejas, yang boleh menyebabkan kemudahan kredit menjadi lebih sukar diperoleh atau lebih mahal kepada anda.

### Terma-terma Utama Lain

- Pinjaman UOB BizMoney ialah pinjaman tanpa cagaran, namun jaminan daripada pemegang saham atau pengarah mungkin diperlukan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk memohon sekuriti tambahan, yang boleh merangkumi tetapi tidak terhad kepada Deposit Tetap, berdasarkan penilaiannya.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang perubahan pada butiran hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh berbuat demikian melalui cawangan yang mengendalikan akaun anda, Pengurus Perhubungan UOB anda, atau dengan menghubungi Pasukan Perhubungan Perbankan Perniagaan UOB di (6) 03-2616 6800 pada hari Isnin hingga Jumaat (9.00 pagi hingga 5:30 petang).
- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi:

LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia:

**Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Bank Negara Malaysia,**  
**Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur**  
**Tel: 1-300-88-5465; Faks: 03-2174 1515;**  
**Laman web: bnmlink.bnm.gov.my**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau memerlukan bantuan berkaitan pinjaman anda, anda boleh:



Hubungi UOB di:

Kuala Lumpur	(6) 03-26128 121
Pulau Pinang	(6) 04-2401 121
Johor Bahru	(6) 07-2881 121
Kuching	(6) 082-287 121
Kota Kinabalu	(6) 088-477 121



Kunjungi UOB di:

[https://www.uob.com.my/  
business/finance/uob-bizmoney.page](https://www.uob.com.my/business/finance/uob-bizmoney.page)



E-mel UOB di:

[uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my)